



PERCUMA

No. C

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PERMOHONAN UNTUK SATU UNIT RUMAH MAMPU MILIK**

PN1 (Pind. 1/2019)

- Borang ini diberikan secara percuma. Pemohon dan suami / isteri hanya dibenarkan mengemukakan satu borang sahaja.
- Borang hendaklah diisi dengan jelas dan terang. Maklumat yang diberikan mestilah benar. Tindakan mahkamah boleh diambil terhadap pemohon sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu.
- Hanya pemohon yang layak sahaja akan didaftarkan. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut :
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan;
 - Anak kelahiran Pulau Pinang **ATAU** bermastautin di Pulau Pinang;
 - Pengundi Berdaftar di Pulau Pinang;
 - Bekerja di Pulau Pinang;
 - Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM 2,500.00 untuk Rumah Mampu Milik A harga maksimum RM42,000.00;
 - Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM 3,500.00 untuk Rumah Mampu Milik B harga maksimum RM72,500.00;
 - Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM 8,000.00 untuk Rumah Mampu Milik C1 harga maksimum RM150,000.00;
 - Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM 10,000.00 untuk Rumah Mampu Milik C2 harga maksimum RM200,000.00;
 - Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM 12,000.00 untuk Rumah Mampu Milik C3 harga maksimum RM300,000.00;
 - Bagi permohonan Rumah Mampu Milik Jenis A / Jenis B, pemohon dan pasangan tidak pernah memiliki hartanah di mana-mana negeri di Malaysia; atau
 - Bagi permohonan Rumah Mampu Milik Jenis C1, C2 dan C3 pemohon dan pasangan yang memiliki hanya satu (1) hartanah (harga belian hartanah sedia ada kurang dari harga Rumah Mampu Milik yang dipohon) adalah LAYAK momohon. (Sila sertakan salinan Perjanjian jual Beli)
- Untuk kategori penjawat awam, pemohon perlu mengemukakan surat sokongan dari Ketua Jabatan masing-masing.
- Untuk kategori *Talent and Skill Group* pemohon perlu mengemukakan surat sokongan dari pihak Invest Penang.
- Borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dialamatkan ke **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Perumahan, Tingkat 3, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang** atau dikembalikan sendiri oleh pemohon di kaunter Perumahan, Tingkat 3 (KOMTAR) beserta dokumen-dokumen seperti berikut:
 - Salinan kad pengenalan pemohon dan suami/isteri;
 - Salinan sijil nikah / Pendaftaran perkahwinan;
 - Sekiranya duda / janda, sertakan salinan Sijil Cerai (sekiranya bercerai) atau salinan Sijil Kematian (sekiranya isteri / suami telah meninggal) dan sekiranya mempunyai anak sertakan Salinan Sijil Kelahiran anak-anak;
 - Salinan laporan CCRIS pemohon dan suami/isteri (sila rujuk Bank Negara Malaysia cawangan berhampiran);
 - Salinan slip SPR;
 - Sekiranya bekerja dengan kerajaan / swasta sertakan dokumen berikut :-
 - Surat pengesahan terkini daripada majikan dan Salinan penyata gaji pokok dan elaun tetap bulanan terkini pemohon dan isteri / suami;
 - Salinan penyata KWSP terkini pemohon dan isteri / suami (termasuk kakitangan kerajaan bertaraf pencen) ;
 - Pengesahan dari Pejabat KWSP sekiranya tidak mencarum;
 - Sekiranya berniaga atau bekerja sendiri sertakan dokumen berikut :-
 - Borang-B-Perniagaan (LHDN)
 - Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - Salinan penyata KWSP terkini;
 - Akuan Sumpah Pendapatan;
 - Sekiranya tidak bekerja, sertakan dokumen berikut :-
 - Surat Akuan Sumpah Pendapatan terkini pemohon dan isteri / suami;
 - Pengesahan dari Pejabat KWSP sekiranya tidak mencarum;
 - Salinan Kad Pengenalan OKU (suami/isteri dan tanggungan jika berkaitan)
 - Bagi pemastautin sekurang-kurangnya 5 tahun di Negeri Pulau Pinang, sila sertakan dokumen pengesahan majikan sebagai bukti.
- Jika berlaku pertukaran alamat surat menyurat, Pentadbiran ini hendaklah dimaklumkan dengan mengisi borang pertukaran alamat.
- Surat Akuan Sumpah hendaklah dibuat di Pesuruhannya Sumpah yang diwartakan oleh Kerajaan. Akuan yang diperakui oleh selain dari yang diwartakan tidak akan dilayan.
- Permohonan perlu dikemaskini setiap 3 tahun **ATAU** sekiranya terdapat sebarang perubahan taraf perkahwinan dan gaji.

PANDUAN MENGISI BORANG

- Nama Penuh : Seperti dalam kad pengenalan dan gunakan HURUF BESAR
Contoh : Muhammad bin Haji Abdullah

M U H A M M A D B I N H J A B D U L L A H

- No. kad pengenalan lama : Contoh 5135801 isikan begini

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | 1 | 3 | 5 | 8 | 0 | 1 |
|---|---|---|---|---|---|---|

A1234567

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| A | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

- No. kad pengenalan baru : Contoh 601005 - 03 - 1354
isikan begini

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | 0 | 1 | 0 | 0 | 5 | 0 | 3 | 1 | 3 | 5 | 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

- Tarikh Lahir : Contoh 5.10.60 isikan begini Hari Bulan Tahun

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 5 | 1 | 0 | 1 | 9 | 6 | 0 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

- Jantina : Contoh : Jika lelaki, isikan begini

| |
|---|
| 1 |
|---|

- Pendapatan : Contoh : Jika pendapatan RM 800.00 isikan begini RM

| | | | | |
|--|--|---|---|---|
| | | 8 | 0 | 0 |
|--|--|---|---|---|

Senarai Kod Daerah Tempat Tinggal dan daerah Pilihan Rumah

- DTL (Daerah Timur Laut) - Georgetown, Gelugor, Paya Terubong dan lain-lain
- DBD (Daerah Barat Daya) - Balik Pulau, Teluk Kumbar, Teluk Bahang dan lain-lain
- SPU (Seberang Perai Utara) - Butterworth, Bagan Ajam, Penaga, Kepala Batas, Pokok Sena, Tasek Gelugor dan lain-lain
- SPT (Seberang Perai Tengah) - Bukit Mertajam, Alma, Prai, Bukit Tengah, Ceruk To'Kun, Berapit dan lain-lain
- SPS (Seberang Perai Selatan) - Batu Kawan, Jawi, Nibong Tebal, Bukit Tambun, dan lain-lain

PENGAKUAN

Saya _____ No. K/P _____
 beralamat di _____
 dengan ini membuat pengakuan bahawa:-

- a) Semua maklumat yang diberi adalah benar dan saya bersetuju permohonan saya dibatalkan sekiranya terdapat maklumat tidak benar / palsu.
- b) Bagi permohonan Rumah Mampu Milik A dan B, saya dan isteri / suami* tidak memiliki rumah di mana-mana negeri di Malaysia.
- c) Saya bersetuju sekiranya diperuntukkan sebuah Rumah Mampu Milik hasil daripada maklumat palsu yang diberikan dalam borang ini, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan tawaran dan menarik balik unit yang diperuntukkan tanpa membayar sebarang ganti rugi.
- d) Saya dan keluarga akan menduduki unit yang diperuntukkan itu dan sekiranya didapati saya dan keluarga tidak menduduki unit yang diperuntukkan tanpa apa-apa sebab yang munasabah atau ianya disewa atau dihuni oleh mana-mana orang lain, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak membatalkan tawaran dan menarik balik unit yang diperuntukkan tanpa membayar sebarang ganti rugi.
- e) Saya akan menandatangani Akuan Berkanun yang mengandungi semua syarat kelayakan pembelian Rumah Mampu Milik secara terperinci, selepas menerima surat tawaran rumah dan sebelum menandatangani Perjanjian Jual Beli.
- f) Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk mendapatkan apa-apa maklumat tambahan yang perlu daripada saya dan isteri / suami* saya mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan permohonan ini.

 Tandatangan Pemohon Tarikh : _____

SAKSI

Saya mengesahkan bahawa pengakuan yang dibuat oleh pemohon adalah benar.
 Nama (Huruf Besar) : _____ No. K/P : _____
 Jawatan : _____ Tarikh : _____

 Tandatangan dan Cop Rasmi

Nota

Pengesahan saksi hendaklah dibuat oleh seorang warganegara Malaysia yang terdiri dari Kumpulan berikut :
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Jaksa Pendamai, Pengamal Undang-Undang, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional atau Penghulu kawasan.
 *Potong mana yang tidak berkenaan.

* NOTA : TUAN/PUAN DIMINTA MENGISI DI RUANGAN NAMA, ALAMAT SURAT-MENYURAT DAN NO. KAD PENGENALAN

AKUAN PENERIMAAN

- 1. Permohonan tuan / puan untuk mendapatkan Rumah Mampu Milik telah diterima dan didaftarkan. Sebarang pertanyaan hendaklah disertakan dengan No. Kad Pengenalan.
- 2. Permohonan tuan / puan adalah TIDAK LAYAK dan ditolak kerana :
 - i) Telah memiliki rumah
 - ii) Pendapatan Melebihi Kelayakan
 - iii) Lain-lain _____



Nama : _____
 Alamat : _____
 No K/P (Lama) : _____ (Baru) : _____

Sila layari www.erumah.penang.gov untuk semakan status pendaftaran tuan / puan.